

**BAHAGIAN A**

**PELAJARAN 1( ISLAM ADALAH CARA HIDUP)**

1. Rukun
2. Qadak
3. Qadar
4. Salafusoleh
5. Ihsan
6. Islam
7. Iman
8. Kalimah Syahadah
9. Solat
10. Zakat
11. Puasa
12. Ihsan
13. Hadis Jibrail
14. Ihsan
15. Jibrail
16. X : mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat
17. Y : mengetahui hakikat kebenaran sesuatu perkara
18. P: Membaca, menghayati dan mengamalkan al-Quran.
19. Q : menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan
20. R: menghayati sirah perjuangan Rasulullah SAW
21. S: menghayati sirah perjuangan para sahabat dan salafusoleh.
22. /
23. /
24. X
25. /
26. /
27. /

**TEMA 1 : ISLAM SEBAGAI AL-DIN**

**Pelajaran 1 : Islam Adalah Cara Hidup**

**BAHAGIAN B**

- 1 (a) (i) Maksud Islam sebagai al-Din ialah cara hidup yang lengkap (1m) merangkumi akidah, ibadah dan akhlak.(1m)
- (ii) Pengertian Islam dari segi istilah ialah taat dan patuh kepada perintah Allah SWT, meninggalkan larangan-Nya, beroleh kesejahteraan dan keselamatan (1m) apabila berserah kepada-Nya.(1m)

- (iii) Pengertian Iman dari segi istilah ialah membenarkan dengan hati, berikrar dengan lisan dan beramal dengan anggota badan (1m) terhadap segala perintah dan suruhan Allah SWT(1m).
- (b) (i) Enam rukun Iman ialah :
- Beriman kepada Allah SWT (1m)
  - Beriman kepada Malaikat(1m)
  - Beriman kepada Kitab-kitab-Nya(1m)
  - Beriman kepada Para Nabi dan Rasul(1m)
  - Beriman kepada Hari Akhirat(1m)
  - Beriman kepada Qadad dan Qadar(1m)
- (ii) Lima rukun Islam ialah :
- Mengucap dua kalimah syahadah(1m)
  - Menunaikan solat fardu lima waktu sehari semalam(1m)
  - Mengeluarkan zakat(1m)
  - Berpuasa pada bulan Ramadan(1m)
  - Mengerjakan haji bagi mereka yang mampu(1m)
- 2 (a) (i) Maksud Ihsan ialah kesungguhan dalam melakukan sesuatu ibadah dan pekerjaan (1m) semata-mata kerana Allah SWT(1m).
- (ii) Dua contoh aplikasi nilai ihsan dalam kehidupan ialah :
- Belas kasihan kepada haiwan(1m) kerana meyakini Allah Maha Pengasih dan Penyayang(1m)
  - Menolong jiran walaupun berlainan bangsa (1m) kerana meyakini Allah Maha Mengawasi kita(1m)
  - Tidak mengata dan mengumpat orang lain (1m) kerana meyakini Allah Maha Mendengar (1m)
- (b) Dua kepentingan Rukun Islam dalam kehidupan ialah :
- Asas ketaatan kepada ajaran Islam (1m) yang yang diredai oleh Allah SWT.(1m)
  - Menjamin hubungan baik antara manusia dengan Allah SWT(1m) kerana mentaati suruhan-Nya.(1m)
  - Merupakan kunci kejayaan di dunia dan akhirat(1m) kerana melakukan ibadah kepada-Nya.(1m)
  - Membawa kebahagiaan dalam hidup manusia (1m) kerana mendapat keberkatan daripada Allah SWT (1m).

- (c) Dua kepentingan Rukun Iman dalam kehidupan ialah :
- Merupakan syarat amalan diterima oleh Allah SWT (1m) kerana Islam agama di sisi Allah SWT (1m) .
  - Menghubungkan makhluk dengan Allah SWT (1m) dari sudut kepercayaan dan keyakinan(1m)
  - Menegaskan konsep mengesakan Allah SWT (1m) sebagai ajaran yang dibawa oleh semua nabi dan rasul(1m).
- (d) Dua kepentingan Ihsan dalam kehidupan ialah :
- Merasakan Allah SWT mengawasi dan melihat segala gerak geri manusia (1m) kerana yakin Allah Maha Melihat(1m).
  - Mengajar manusia untuk berbuat baik kepada semua manusia dan makhluk lain(1m) kerana mencapai keredaan-Nya.(1m)
  - Mewujudkan masyarakat yang harmoni (1m) kerana sering bantu membantu(1m)

3 (a) (i)

Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
Huraian 3/Kesimpulan	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan	1M

**Cadangan isi /fakta :**

Sifat ihsan dapat membantu mengawal tingkah laku negatif dalam penggunaan telefon pintar dalam kalangan murid:

- Merasakan Allah SWT melihat perbuatan kita
- Perasaan takut untuk melakukan perkara mungkar

- (b) (i) Saya bersetuju dengan pernyataan menunaikan solat fardu lima waktu sehari semalam dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT serta

menambahkan ketakwaan dan keimanan.(1m)

(ii) Lima solat yang diwajibkan untuk ditunaikan kepada semua umat Islam ialah :

- Solat Zohor (1m)
- Solat Asar (1m)
- Solat Maghrib (1m)
- Solat Isyak (1m)
- Solat Subuh (1m)

(iii)

Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
Huraian 3		1M
Huraian 4		1M
Huraian 5/Kesimpulan	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan	1M

**Cadangan isi /fakta :**

Ibadah solat yang terkandung dalam Rukun Islam adalah satu kewajipan, namun masih terdapat segelintir masyarakat yang tidak menitik beratkan suruhan Allah SWT ini.

Perkara ini berlaku dalam masyarakat kita hari ini kerana :

- Kurang penghayatan agama
- Leka dengan kehidupan duniawi
- Pengaruh rakan sebaya

**PELAJARAN 2 ( AKIDAH MENURUT ISLAM)**

1. Nabi
2. Rasul
3. Dalil naqli
4. Dalil aqli
5. Tawakal
6. Mujahadah
7. Muhasabah
8. Perkara ghaib/ghaibiyah
9. Indah
10. Zat
11. Iradat
12. Doa
13. Taubat
14. Ilahiyah
15. Nubuwah
16. Al-Kizb
17. Al-Amanah
18. Al-xKitman
19. Al-Fatanah
20. Al-Quran
21. Nabi Musa
22. Injil
23. Nabi Daud
24. X
25. /
26. /
27. X
28. /
29. /
30. X
31. /

## Pelajaran 2 : Akidah Menurut Islam

### BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Maksud akidah ialah keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat-sifat kesempurnaan-Nya(1m) berdasarkan dalil naqli dan akli (1m)
- 
- (ii) Dua tujuan diutuskan para rasul dan Nabi ialah ialah :
- Menyeru manusia mentauhidkan dan menyembah Allah SWT (1M) yang Maha Esa.(1m)
  - Mengajar manusia cara beribadat yang betul(1m) seperti mengerjakan solat.(1m)
  - Menunjukkan cara hidup yang benar dan lengkap(1m) seperti saling hormat menghormati.(1m)

- (b) Empat contoh perkara Ghaibiyah ialah :
- Malaikat (1m)
  - Iblis (1m)
  - Syaitan (1m)
  - Jin (1m)
  - Qadak dan Qadar (1m)
  - Barzakh (1m)
  - Hari Kiamat (1m)
- 2 (a) Dua pegangan akidah yang benar dalam kehidupan seharian kita ialah :
- Berasaskan tauhid kepada Allah SWT (1m) yang Maha Esa(1m).
  - Berpegang dengan dalil naqli dan aqli (1m) iaitu al-Quran dan Al-Sunnah yang sahih (1m).
  - Berasaskan ilmu, iman dan amal(1m) yang berteraskan syariat Islam(1m).
  - Bertepatan dengan al-Quran dan Al-Sunnah (1m) yang akan membawa kepada akidah yang benar dan diredai Allah SWT(1m).
- (b) (i) **Dua** pandangan saya, amalan yang amat berkaitan dengan pegangan akidah ialah;
- Berdoa kepada Allah SWT(1m) kerana doa adalah senjata orang Mukmin(1m).
  - Meningkatkan ibadah (1m) untuk beroleh keredaan Allah SWT(1m).
- (ii) Tiga kepentingan amalan akidah menurut Islam ialah :
- Menjadi syarat utama amalan diterima oleh Allah SWT (1m) seperti mengucapkan kalimah syahadah(1m).
  - Menjadi benteng daripada perkara syirik, khurafat dan bidaah (1m) yang boleh menyesatkan umat Islam(1m).
  - Menjadi tunjang kekuatan umat Islam (1m) dalam memperkukuhkan perjuangan Rasulullah SAW.(1m)
  - Beroleh rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT (1m)dalam menjalani kehidupan(1m).
- 3 (a) Dua amalan yang boleh menjadikan pembuktian pegangan akidah yang benar ialah :
- Memohon perlindungan hanya kepada Allah SWT (1m) yang Maha Esa.(1m)
  - Bersyukur kepada Allah SWT (1m) apabila beroleh kejayaan dalam kehidupan.(1m)
  - Sentiasa ikhlas dalam melakukan semua amalan(1m) kerana Allah

SWT(1m).

- Menjauhi fahaman yang menyeleweng daripada jaran Islam (1m) seperti ajaran Syiah.(1m)

(b) Implikasi pelaksanaan ibadah tanpa pegangan akidah yang betul

Ialah ibadah seseorang akan tertolak atau tidak akan diterima (1m) kerana akidah yang salah atau terpesong (1m).

(c)

Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
Huraian 3		1M
Huraian 4		1M
Huraian 5/Kesimpulan	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan	1M

**Cadangan isi /fakta :**

Masih ada segelintir masyarakat yang masih mempercayai taghut walaupun telah walaupun telah diberi larangan oleh Allah SWT kerana:

- Kurang penghayatan agama
- Terpengaruh dengan rakan
- Tidak berdamping dengan para ulama

**PELAJARAN 3( IBADAH MENURUT ISLAM)**

1. Fardu ain
2. Fardu Kifayah
3. Ibadat khusus
4. Ibadat umum
5. Asnaf
6. Solat
7. Fitrah
8. Iqra/baca
9. Solat jenazah
10. Lafaz syahadah
11. Ibadah khusus
12. Ibadah umum
13. S: Solat fardu/mengeluarkan zakat
14. T: membuang benda yang bahaya dari jalanan
15. U: membuat penyelidikan/bekerja sebagai doctor
16. V: asnaf miskin
17. W: asnaf amil
18. Y: asnaf riqab
19. Z: asnaf fisabilillah
20. /
21. X
22. /
23. X
24. /

### Pelajaran 3 : Ibadah Menurut Islam

#### BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Maksud Islam ibadah ialah pengabdian kepada Allah SWT melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan hati yang ikhlas (1m) semata-mata kepada-Nya yang berlandaskan syariat Allah SWT(1m).
- (ii) Dua konsep ibadah dalam Islam ialah :
- Keikhlasan menjadi asas penerimaan ibadah di sisi Allah SWT (1m) kerana niat yang betul(1m).
  - Kewajipan menuruti perintah yang disyariatkan oleh Allah SWT (1m) seperti solat fardu(1m).
  - Tidak mengada-adakan ibadah yang boleh memesongkan syariat umat Islam(1m) contohnya ajaran sesat(1m)
  - Tujuan hidup manusia adalah untuk beribadah kepada Allah SWT(1m) sebagai bekalan menghadapi hari akhirat.(1m)
- (iii) Dua syarat ibadah yang dapat memenuhi keperluan ibadah dalam Islam ialah :
- Ikhlas dalam beribadah (1m) bagi mendapat keredaan Allah

SWT.(1m)

- Ittiba' as-Sunnah(Mengikuti Sunnah) (1m) iaitu Ibadah dilakukan sebagaimana yang disyariatkan oleh Allah SWT dan rasul-Nya(1m)

(b) (i) Tiga amalan yang berkaitan dengan ibadah dalam Islam :

- Kewajipan solat lima waktu sehari semalam (1m) yang tidak boleh ditinggalkan walaupun dalam keadaan sakit atau darurat (1m).
- Mengeluarkan zakat kepada mereka yang memenuhi syarat (1m) iaitu zakat harta dan zakat fitrah.(1m)
- Memberikan sedekah kepada mereka yang memerlukan (1m) seperti golongan fakir(1m).
- Belajar adalah satu kewajiban yang penting (1m) bagi setiap individu Muslim(1m).

(ii) Tiga kepentingan ibadah menurut Islam :

- Dapat menjadi bukti penyaksian (1m) iaitu Allah SWT sebagai pencipta dan Nabi Muhammad SAW sebagai utusan Allah SWT(1m).
- Dapat meneguhkan hubungan manusia dengan Allah SWT serta meningkatkan keimanan (1m) dalam ibadah solat(1m).
- Dapat mendidik hawa nafsu (1m) agar sentiasa sabar dalam mengerjakan ibadah puasa(1m).
- Dapat mencari nafkah yang dikategorikan sebagai ibadah(1m) yang dituntut dalam Islam(1m).

2 (a) (i) Empat ibadah wajib yang perlu dilaksanakan dalam kehidupan ialah :

- Menjaga solat lima waktu (1m) iaitu Zohor, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh.(1m)
- Berpuasa penuh di bulan Ramadan(1m) jika tiada keuzuran syari'e(1m)
- Melaksanakan ibadah haji dan umrah(1m) apabila memenuhi syarat wajibnya(1m)
- Mengeluarkan zakat (1m) untuk membantu mereka yang memerlukan.(1m)
- Bekerja untuk memenuhi keperluan kehidupan dan memberi nafkah(1m) kepada orang dalam tanggungan(1m).

(ii) Dua cara meningkatkan kualiti ibadah :

- Sentiasa mengingati Allah SWT (1m) ketika melakukan pekerjaan(1m).
- Meningkatkan ilmu pengetahuan (1m) tentang ibadah khusus dan umum(1m).
- Berdamping dengan orang soleh dan berilmu(1m) agar ibadah diterima Allah SWT(1m).

- Sabar dan istiqamah (1m) dalam melakukan ibadah(1m).

3 (a)

Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
Huraian 3/Kesimpulan	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan	1M

**Cadangan isi /fakta :**

Cara untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat melalui ibadah umum ialah:

- Belajar dengan bersungguh-sungguh
- Membuat penyelidikan

**PELAJARAN 4(AKHLAK MENURUT ISLAM)**

1. Akhlak mahmudah
2. Akhlak mazmumah
3. Keredaan
4. Akhlak
5. Terpuji
6. Jati diri
7. Bantu membantu
8. Bermujahadah
9. Y: bermatlamat mencari keredaan Allah SWT
10. X: mengindahkan pekerti melalui kelakuan lahiriah
11. P: reda
12. Q: Akhlak dengan manusia
13. R: khianat
14. S: menjaga kebersihan
15. /
16. X
17. X
18. /
19. X

#### Pelajaran 4 : Akhlak Menurut Islam

##### BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Maksud akhlak ialah sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong sesuatu perbuatan dan perlakuan (1m) tanpa memerlukan pertimbangan yang mendalam (1m).
- (ii) Dua ciri-ciri akhlak menurut Islam ialah :
- Bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah (1m) yang berpandukan wahyu yang sahih (1m).
  - Berlandaskan fitrah kejadian manusia (1m) yang suka melakukan perkara-perkara yang baik(1m).
  - Meliputi semua aspek kehidupan (1m) sama ada di dunia mahupun di akhirat(1m).
  - Tetap dan tidak berubah (1m) kerana ia berpandukan al-Quran dan al-Sunnah(1m).
- (b)
- (i) Contoh kisah sifat-sifat Rasulullah SAW seperti berikut :
- a) Penyabar : Apabila usaha dakwah Nabi Muhammad SAW di Mekah berhadapan ancaman yang kuat, Baginda SAW meneruskan dakwahnya ke Taif.(1m) Semasa berdakwah di Taif baginda di hina dan di hempap batu oleh penduduk ini tetapi baginda tetap sabar dan berdoa untuk kebaikan mereka(1m)

- b) Pemaaf : Baginda SAW merupakan seorang yang penyayang dan pemaaf .Baginda SAW tidak pernah membalas dendam meskipun berkuasa untuk menuntut balas.(1m) Baginda tidak membalas perbuatan kepada penduduk Quraisy semasa peristiwa pembukaan Kota Mekah(1m).
- c) Pemurah : Sifat pemurah Nabi Muhammad SAW mencapai peringkat Itsar iaitu mengutamakan orang lain berbanding dirinya (1m). Baginda pernah memberikan kambing yang banyak kepada seorang lelaki yang meminta kepada baginda.(1m)

2 (a) (i) Dua kepentingan akhlak menurut Islam dari segi :

- a) Individu :
  - Membina jati diri yang baik mengikut al-Quran dan al-Sunnah.(1m)
  - Melahirkan individu yang bertakwa untuk beribadat kepada Allah SWT.(1m)
- b) Keluarga :
  - Membentuk sebuah keluarga yang bahagia seperti saling bermaafan.(1m)
  - Saling bertolak ansur dan bantu membantu agar kehidupan keluarga di redai Allah SWT.(1m)
- c) Masyarakat :
  - Melahirkan masyarakat yang harmoni seperti saling bekerjasama antara satu sama lain.(1m)
  - Meneguhkan perpaduan masyarakat agar berada dalam keadaan yang harmoni. (1m)
- (d) Negara :
  - Membina negara sejahtera dan dirahmati oleh Allah SWT(1m).
  - Meningkatkan imej negara di mata dunia(1m).

(ii) Dua cara memupuk akhlak mulia dalam mewujudkan suasana yang aman ialah :

- Mentaati perintah Allah SWT dan Rasul-Nya (1m) agar kehidupan dirahmati Allah SWT(1m).
- Mencontohi dan meneladani Rasulullah SAW (1m) yang berpekerti mulia(1m).
- Sentiasa berdoa memohon kepada Allah SWT (1m) agar dihiasi akhlak mulia (1m).
- Mujahadah dalam memperbaiki diri (1m) ke arah yang lebih baik.(1m)

(iii) Dua amalan akhlak Islam yang dapat dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian :

- Saling hormat menghormati (1m) tanpa mengira bangsa dan agama (1m).
- Prihatin dan bersimpati dengan penderitaan orang lain (1m) agar dikasihi Allah SWT (1m).
- Saling tolong menolong (1m) seperti membantu rakan yang berada dalam kesusahan (1m).

3 (a) Saya tidak bersetuju dengan perbuatan di dalam gambar tersebut.(1m)

Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
Huraian 3		1M
Huraian 4/Kesimpulan	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan	1M

**Cadangan isi /fakta :**

Perkara ini masih lagi berlaku walaupun diwar-warkan keburukannya kerana :

- Tiada rasa tanggungjawab
- Mengambil sikap sambil lewa
- Tiada kesedaran dalam diri

**PELAJARAN 5( PRINSIP PANDANGAN HIDUP ISLAM)**

1. Rabbaniyyah
2. Syumuliyah

3. Murunah
4. Waqi'iyah
5. Thabat
6. Alamiyyah
7. Diskriminasi
8. Murunah
9. Praktikal
10. J: Rabbaniyah
11. K: Kesempurnaan hanya milik Allah SWT
12. L: Islam dan seluruh makhluk merupakan hak milik Allah SWT
13. M: manusia dibekalkan akal dan syariat yang lengkap.
14. N: Allah SWT sebagai pemberi peraturan hidup
15. /
16. X
17. X
18. /

### Pelajaran 5 : Prinsip Pandangan Hidup Islam

#### BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Maksud Alamiyyah ialah Sarwajagat iaitu Islam ialah agama yang sesuai bagi semua manusia (1m) tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman (1m).
- (ii) Dua ciri prinsip Alamiyyah ialah :
- Kedudukan manusia sebagai sebaik-baik kejadian (1m) berbanding dengan makhluk yang lain (1m).
  - Nilai keadilan Islam adalah bersifat sejagat (1m) iaitu kesejahteraan semua manusia(1m) .
  - Islam sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran (1m) agar kehidupan dirahmati Allah SWT(1m)
- (b) (i) Dua ciri prinsip Waqiyyah ialah :
- Praktikal dan mampu diamalkan (1m) oleh semua golongan manusia (1m).
  - Menyelesaikan masalah kehidupan (1m) seperti masalah rumahtangga (1m).
  - Menekankan kesederhanaan dan keseimbangan hidup (1m) dalam kehidupan seharian manusia(1m).
- (ii) Dua ciri prinsip Thabat ialah :
- Akidah, kepercayaan dan keyakinan terhadap Allah SWT(1m) sebagai Tuhan Yang Maha Esa dan tiada sekutu bagi-Nya (1m).
  - Ibadat khusus yang telah ditetapkan cara pelaksanaannya oleh syariat

- Islam (1m) seperti solat fardu, puasa, haji dan zakat(1m)
- Ketetapan hukum syariah (1m) seperti hudud, qisas, diat dan takzir(1m).

(iii) Dua ciri prinsip Murunah ialah :

- Islam agama yang mudah untuk diamalkan (1m) oleh semua golongan manusia (1m).
- Dilaksanakan mengikut keadaan dan kemampuan (1m) seperti solat jamak dan qasar ketika bermusafir yang melebihi dua marhalah (1m).

2 (a) (i)

Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
Huraian 3		1M
Huraian 4		1M
Huraian 5/Kesimpulan	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan	1M

**Cadangan isi /fakta :**

Cara saya menyelesaikan isu ajaran sesat berdasarkan prinsip Thabat ialah :

- Menyakini bahawa Allah SWT yang wajib disembah
- Mendalami ilmu akidah
- Memantapkan keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT
- Mendampingi para ulama

(ii)	Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
	Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
	Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
	Huraian 3		1M
	Huraian 4		1M
	Huraian 5/Kesimpulan		Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan

**Cadangan isi /fakta :**

Prinsip Waqi'iyah dapat menyelesaikan masalah gangsterim dengan :

- Mempraktikkan amalan hidup yang lebih baik
- Mengeratkan hubungan kasih sayang
- Mendedahkan dengan kesan –kesan keburukan amalan tersebut

3 (a) (i) Tiga prinsip pandangan hidup Islam ialah :

- Rabbaniyyah (1m) iaitu ketuhanan iaitu segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah SWT(1m).
- Syumuliyah (1m) iaitu lengkap iaitu agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW lengkap dan sempurna serta meliputi kehidupan di dunia dan akhirat(1m).
- Alamiyyah (1m) iaitu Sarwajagat iaitu Islam ialah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman (1m).

(ii) Dua pandangan saya perkaitan antara gambar dengan kepentingan mengamalkan prinsip hidup Islam ialah :

- Untuk memahami tujuan kehidupan (1m) kerana segala yang ada di dunia adalah sementara (1m)
- Islam tidak memisahkan agama daripada kehidupan(1m) kerana Islam adalah lengkap dan sempurna(1m)

(iii)

Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
Huraian 3/Kesimpulan	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan	1M

**Cadangan isi /fakta :**

Perkaitan Islam sebagai sistem kehidupan manusia , yang merangkumi sistem khalifah dan hamba, sistem perundangan dan kehakiman, sistem sosial Islam dan ekonomi Islam serta sistem pemerintahan dan pentadbiran dengan kepentingan mengamalkan prinsip pandangan hidup Islam dari sudut prinsip Syumuliyah ialah :

- Islam meraikannya dalam kehidupan seharian
- Islam menetapkan sistem yang cukup lengkap

b (i) Prinsip pandangan hidup Islam yang bersesuaian dengan pernyataan dan gambar ialah:

- Prinsip Alamiyyah(1m)

(ii)

Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
Huraian 3		1M
Huraian 4/Kesimpulan	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan	1M

**Cadangan isi /fakta :**

Perkaitan antara gambar di atas dengan kepentingan mengamalkan prinsip hidup Islam ialah:

- Prinsip utama dalam bidang kemanusiaan
- Persamaan taraf dan kedudukan adalah sama
- Perkauman dilarang dalam Islam

c	Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
	Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
	Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
	Huraian 3		1M
	Huraian 4		1M
	Huraian 5/Kesimpulan	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan	1M

**Cadangan isi /fakta :**

Perkaitan rukhsah dalam solat adalah salah satu cara ibadah yang dilaksanakan apabila seseorang tidak dapat melakukan solat seperti biasa seperti apabila sakit yang tidak mampu untuk bangun dengan kepentingan mengamalkan prinsip hidup Islam ialah :

- Ibadah yang wajib dapat dilaksanakan
- Mampu dilaksanakan mengikut keadaan
- Islam tidak membebankan umatnya

d (i) Prinsip pandangan hidup Islam yang bersesuaian dengan gambaran ialah :

- Prinsip Waqi'iyah (1m)

(ii) **Dua** perkaitan gambar dengan kepentingan mengamalkan prinsip hidup Islam ialah :

- Mempunyai manfaat rohani dan jasmani(1m) seperti mendekati diri kepada Allah dan mencergaskan badan(1m).
- Mampu dilaksanakan oleh semua golongan manusia (1m) dengan

mengikut ajaran al-Quran dan al-Sunnah (1m)

- 4 a (i) Pada pandangan saya, Islam tidak mencabuli hak asasi manusia(1m).

Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
Huraian 3		1M
Huraian 4/Kesimpulan	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan	1M

**Cadangan isi /fakta :**

Islam menyelesaikan isu mencabuli hak asasi manusia dengan:

- Menekankan keadilan bagi semua manusia
- Hak-hak asasi diberi penekanan mengikut syariat Islam
- Diskriminasi dalam Islam adalah dilarang
- Menjelaskan tentang konsep keadilan sejagat

- (ii)

Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
Huraian 3		1M
Huraian 4		1M
Huraian 5/Kesimpulan	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan	1M

**Cadangan isi /fakta :**

Salah faham mengenai hukum faraid atau pembahagian harta pusaka dalam masyarakat sekarang ialah :

- Pembahagian kadar harta yang lebih kepada anak lelaki

1. Alam roh
2. Alam Rahim
3. Alam dunia
4. Alam barzakh/alam kubur
5. Alam akhirat
6. Alam ghaib
7. Alam musyahadah
8. Abu al-Basyar/Bapa semua manusia
9. Sujud
10. Hawa
11. Ciptaan
12. Empat bulan
13. Akal fikiran
14. Khalifah
15. Nabi Adam
16. P: Alaqah
17. Q: Izam dan lahm
18. R: Bayi
19. /
20. X
21. /
22. X

## TEMA 2 : MANUSIA SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH SWT

### Pelajaran 6 : Fitrah Kejadian Insan

#### BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Maksud insan ialah makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal (1m) dan ditugaskan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT serta memakmurkan alam (1m).  
  
(ii) Dua keistimewaan insan ialah :
  - Dikurniakan akal fikiran oleh Allah SWT(1m) untuk membezakan kebenaran dan kebatilan(1m).
  - Diberikan kitab sebagai panduan (1m) seperti kitab al-Quran (1m).
  - Diberi tanggungjawab sebagai khalifah (1m) untuk memakmurkan alam (1m).
  - Dianugerahkan rasul sebagai pembimbing kepada umat Islam(1m) untuk mencapai kebahagiaan(1m).
- (b) (i) Tiga kepentingan memelihara fitrah kejadian insan ialah :
  - Mendapat keredaan dan petunjuk Allah SWT (1m) agar kehidupan bahagia di dunia dan akhirat (1m).
  - Mengukuhkan keimanan dan menyemai ketakwaan kepada Allah SWT (1m) yang menciptakan manusia (1m).
  - Menerima kebenaran dan menolak kebatilan (1m) agar mendapar

- rahmat dan keredaan Allah SWT(1m).
- Membentuk kehidupan yang aman dan harmoni dalam kehidupan bermasyarakat(1m) seperti hormat menghormati(1m).
- (ii) Dua tindakan yang perlu dilakukan untuk memelihara fitrah kejadian insan ialah :
- Menjaga sikap dan tingkah laku daripada perbuatan-perbuatan mungkar (1m) seperti minum arak (1m) .
  - Memupuk akhlak mulia (1m) seperti saling nasihat menasihati(1m).
  - Menjaga kesucian diri daripada perbuatan maksiat(1m) seperti zina (1m).
  - Membina keluarga atas ketakwaan dan kasih sayang (1m) agar kehidupan tenteram (1m).

(iii)

Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
Huraian 3		1M
Huraian 4		1M
Huraian 5/Kesimpulan	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan	1M

**Cadangan isi /fakta :**

Golongan Ateisme menolak fahaman beragama kerana :

- Mengikut logik akal yang menyimpang daripada lumrah dan fitrah beragama.
-

**PELAJARAN 7(TANGGUNGJAWAB SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH SWT)**

1. Hamba
2. Khalifah
3. Madani
4. Penyerahan
5. Zikrullah
6. Nahi mungkar
7. Manusia
8. P: mengabdikan diri kepada Allah SWT
9. Q: memakmurkan bumi Allah SWT
10. /
11. X
12. /
13. /

**Pelajaran 7 : Tanggungjawab Sebagai Hamba dan Khalifah Allah SWT**

**BAHAGIAN B**

- 1 (a) (i) Pengertian hamba ialah manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT (1m) dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya (1m).
- (ii) Maksud khalifah ialah manusia wajib mentadbir dan memakmurkan bumi (1m) selari dengan kehendak syariat (1m).
- (b) (i) Tiga hubungan hamba dan khalifah ialah :
- Hakikat manusia sebagai hamba Allah SWT bukanlah satu penghinaan (1m) sebaliknya satu kemuliaan (1m).
  - Anugerah dan amanah Allah SWT (1m) yang tidak dimiliki oleh makhluk lain(1m).
  - Dapat dijelmakan dengan konsep penyerahan diri kepada Allah SWT (1m) iaitu akidah, syariat dan akhlak (1m).
- (ii) Dua tanggungjawab manusia terhadap Allah SWT ialah :
- Menyembah Allah SWT Yang Maha Esa tanpa mensyirikan-Nya (1m) seperti menyembah berhala (1m).
  - Mematuhi segala perintah Allah SWT serta menjauhi larangan-Nya (1m) seperti mengerjakan solat dan menjauhi riba (1m).
  - Bersyukur atas nikmat Allah SWT serta mengingati-Nya (1m) seperti berzikir memuji Allah SWT. (1m)
- (iii) Dua tanggungjawab manusia sesama manusia ialah :
- Menjalinkan hubungan silaturahim dengan sesama manusia (1m) seperti bertegur sapa (1m).

- Memelihara hak sesama manusia (1m) seperti memelihara hak jiran (1m).
  - Mengamalkan nilai murni dalam masyarakat dengan konsep amar makruf nahi mungkar (1m) seperti nasihat menasihati(1m).
- (iv) Dua tanggungjawab manusia terhadap alam ialah :
- Mentadbir dan memakmurkan alam dengan cara terancang (1m) agar sentiasa terpelihara keindahannya(1m).
  - Menggunakan sumber alam semula jadi dengan cara bijaksana dan efektif (1m) bagi mengelakkan pembaziran dan kerosakan(1m).
  - Memelihara alam dari pencemaran dengan tidak membuang sampah merata-rata (1m) agar bumi sentiasa segar dan bersih(1m).
- (c) (i) Dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah dari sudut agama ialah :
- Syariat dan undang –undang Islam dapat dilaksanakan dengan sempurna (1m) untuk mencapai keredaaan Allah SWT(1m).
  - Rakyat berpegang teguh dengan ajaran agama Islam yang sebenar (1m) dalam kehidupan (1m).
  - Nilai murni dan akhlak mulia dapat dihayati dan dipraktikkan oleh masyarakat (1m) dengan berpandukan syariat Islam(1m).
- (ii) Dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah dari sudut Pendidikan ialah :
- Melahirkan masyarakat madani (1m) yang bertakwa (1m).
  - Masyarakat mendapat pendidikan rohani, fizikal, mental dan emosi(1m) yang seimbang.
  - Melahirkan tenaga pakar (1m) untuk mentadbir dan memakmurkan alam (1m).
- (iii) Dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah dari sudut politik ialah :
- Melahirkan pemimpin yang berintegriti (1m) dalam menjalankan amanah yang diberikan(1m) .
  - Kestabilan politik terjamin dan melancarkan urusan pentadbiran negara (1m) kerana mengikut syariat Islam (1m).
  - Negara menjadi aman dan sejahtera (1m) kerana menjalankan amanah dengan sebaiknya(1m).
- (iv) Dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah dari sudut ekonomi ialah :
- Ekonomi maju dan pesat (1m) bersesuaian dengan muamalah Islam (1m).

- Pembangunan negara dapat dijalankan dengan lancar (1m) kerana tiada berlaku pencerobahan harta (1m).
  - Merapatkan jurang ekonomi dalam kalangan masyarakat (1m) kerana wujudnya sikap ta'awun (1m).
- (v) Dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah dari sudut sosial ialah :
- Perpaduan dapat dikekalkan (1m) kerana wujudnya sikap saling hormat-menghormati (1m).
  - Masyarakat hidup dengan tolenrasi (1m) bagi mewujudkan keamanan (1m).
  - Wujud keharmonian dalam masyarakat (1m) kerana sentiasa mengikut syariat Islam(1m).
- (d) (i) Dua punca pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah ialah :
- Syariat Islam tidak dilaksanakan dengan sempurna (1m) seperti konsep amar makruf nahi mungkar (1m).
  - Mengabaikan pendidikan (1m) seperti Pendidikan Agama Islam (1m).
  - Kelemahan urusan pentadbiran dan salah guna kuasa (1m) seperti rasuah(1m).
  - Masyarakat bersikap malas dan memilih pekerjaan (1m) yang menyebabkan ekonomi mundur(1m).
- (ii) Dua kesan pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah ialah :
- Berlaku keruntuhan akhlak dan jenayah berleluasa (1m) seperti kes ragut (1m).
  - Masyarakat akan kekurangan ilmu dan jahil (1m) seperti ilmu pengurusan dan pentadbiran (1m).
  - Hilang kepercayaan kepada pemimpin (1m) yang menyebabkan negara akan mundur (1m).
  - Ekonomi tidak membangun (1m) kerana banyak berlakunya penyelewengan seperti rasuah dan riba(1m)
- (e) (i) Dua aktiviti yang sesuai untuk merealisasikan tindakan sebagai hamba dan khalifah di muka bumi ini ialah :
- Kempen kitar semula kepada masyarakat (1m)
  - Bengkel kemahiran dan inovasi kepada rakyat (1m)
  - Kursus kepimpinan dalam kalangan pengawas sekolah (1m)
  - Kem jati diri dalam kalangan belia. (1m)

(iv)

Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
Huraian 3/Kesimpulan	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan	1M

**Cadangan isi /fakta :**

Cara saya sebagai seorang pelajar menasihati rakan-rakan saya yang suka membuang masa melakukan perkara yang tidak berfaedah ialah:

- Menceritakan keburukan membuang masa
- Mencadangkan aktiviti yang berfaedah

**PELAJARAN 8 ( PERANAN WAHYU DAN AKAL)**

1. Wahyu
2. Akal
3. Jibrail a.s
4. Kiamat
5. Pahala
6. Kebenaran
7. Akal
8. P: 114 surah
9. Q: 30 juzuk
10. R: 6 236 ayat
11. P;86
12. Q:28
13. /
14. X
15. /
16. /
17. X
18. X

**Pelajaran 8 : Peranan Wahyu dan Akal**

**BAHAGIAN B**

- 1 (a) (i) Pengertian wahyu ialah kalam Allah SWT yang disampaikan kepada para nabi dan rasul (1m) melalui perantaraan malaikat Jibrail a.s. atau terus daripada Allah SWT(1m).
- (ii) Maksud akal ialah keupayaan berfikir yang dikumiakan oleh Allah SWT kepada manusia (1m) untuk membezakannya dengan haiwan(1m).
- (b) (i) Tiga ciri wahyu al-Quran ialah :
- Datang daripada Allah SWT (1m) yang kebenarannya adalah mutlak (1m) .
  - Diturunkan kepada nabi dan rasul sahaja (1m) bukan kepada orang awam (1m).
  - Penurunan wahyu (1m) adalah melalui perantaraan malaikat Jibrail a.s, mimpi yang benar, suara disebalik tabir atau Allah SWT mengilhamkan ke dalam hati Rasulullah SAW (1m).
  - Kesuciannya terpelihara (1m) sehingga hari kiamat (1m).

(ii) Tiga ciri akal ialah :

- Anugerah paling istimewa yang dikurniakan oleh Allah SWT(1m) kepada manusia untuk berfikir (1m).
- Akal membezakan(1m) antara manusia dengan haiwan (1m).
- Akal tidak mampu memikirkan perkara ghaib(1m) seperti syurga dan neraka(1m).
- Akal sentiasa berubah dan berkembang (1m) jika manusia sentiasa menggunakan untuk memikirkan sesuatu(1m).

(c) (i) Dua fungsi wahyu terhadap akidah ialah :

- Panduan dan pedoman untuk umat(1m) bagi akidah yang sahih(1m).
- Memperbaiki dan membetulkan akidah manusia (1m) yang terpesong dari kebenaran wahyu(1m).
- Menerangkan dan menjelaskan perkara ghaib (1m) seperti syurga dan neraka(1m).

(ii) Dua fungsi wahyu terhadap ibadah ialah :

- Sebagai sumber utama syariat Islam (1m) yang kekal hingga hari kiamat (1m).
- Membimbing dan membetulkan tatacara beribadat (1m) seperti cara menunaikan solat(1m).
- Ganjaran dan balasan beribadah (1m) telah ditetapkan oleh wahyu(1m)

(iii) Dua fungsi wahyu terhadap akhlak ialah :

- Panduan dalam pembentukan akhlak mulia (1m) seperti tolong menolong(1m).
- Menetapkan hukum-hukum praktis (1m) yang berkaitan dengan akhlak(1m).
- Membimbing masyarakat untuk berinteraksi antara satu sama lain (1m) berlandaskan syarak(1m).

(iv) Dua keistimewaan al-Quran ialah :

- Kebenaran al-Quran benar dan tidak ada keraguan (1m) sehingga hari akhirat (1m).
- Kandungan dan hukum al-Quran kekal sehingga hari kiamat (1m) seperti solat lima waktu wajib dilakukan (1m).
- Panduan al-Quran meliputi pelbagai aspek(1m) seperti akidah, ibadah dan lain-lain(1m).
- Membaca dan mendengar al-Quran (1m) adalah dikira sebagai ibadah(1m).

- (d) Tiga fungsi akal ialah :
- Memahami hakikat kebesaran dan kekuasaan Allah SWT (1m) yang menciptakan alam(1m).
  - Memahami dan memikirkan wahyu firman Allah SWT (1m) untuk dijadikan panduan (1m).
  - Memahami dan membuktikan kebenaran Islam (1m) yang dibawa oleh Rasulullah SAW(1m).
  - Mempelajari cara-cara untuk mendekatkan diri dan beribadah kepada Allah SWT (1m) agar kehidupan diberkati(1m).
- (e) (i) Tiga kedudukan wahyu ialah :
- Merupakan sumber dan panduan kepada setiap manusia(1m) untuk dihayati dan diamalkan(1m).
  - Menjadi rujukan utama dalam menentukan hukum hakam (1m) seperti hukum hudud dan qisas (1m).
  - Sebagai pemisah antara hak dan batil (1m) agar manusia mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat(1m).
  - Pemikiran yang bertentangan dengan wahyu dianggap salah dan sesat (1m) kerana wahyu datangnya dari Allah SWT(1m).
- (ii) Tiga kedudukan akal ialah :
- Kurniaan Allah SWT yang paling istimewa kepada manusia(1m) bagi membezakan kebenaran dengan keburukan(1m).
  - Membantu memahami kandungan wahyu (1m) agar tidak menyeleweng dari yang asal(1m).
  - Menjadi syarat dalam mempelajari ilmu (1m) agar dapat memikirkan dengan baik dan jelas(1m).
  - Menjadi syarat penerimaan taklif Syariat Islamiah (1m) bagi manusia yang sempurna akal(1m).
- (f) (i) Tiga perkara yang merosakkan akal ialah :
- Penyalahgunaan bahan terlarang (1m) seperti dadah dan syabu(1m).
  - Gejala negatif dan maksiat (1m) seperti membaca atau menonton bahan-bahan lucah(1m).
  - Mengambil makanan dan minuman yang memabukkan (1m) seperti arak (1m).
  - Memikirkan perkara di luar kemampuan akal (1m) seperti memikirkan tentang zat Allah SWT(1m).
- (ii) Tiga kepentingan wahyu dalam memelihara akal ialah :
- Wahyu memerintahkan manusia menggunakan akal sepenuhnya(1m) untuk memikirkan perkara-perkara kebaikan (1m).

- Wahyu membimbing akal dalam memelihara kebenaran akidah dan iman (1m) seperti tidak mensyirikkan Allah SWT(1m).
- Wahyu memastikan kesahihan ibadah (1m) yang dilakukan oleh manusia(1m).
- Wahyu mempengaruhi akal untuk menghasilkan kemuliaan akhlak dan tingkah laku (1m) seperti hormat menghormati(1m).

(g) (i)

Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
Huraian 3		1M
Huraian 4		1M
Huraian 5/Kesimpulan	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan	1M

**Cadangan isi /fakta :**

Gejala seks songsang masih diamalkan oleh sebahagian umat Islam walaupun ditegah dalam Islam sedangkan perkara tersebut merupakan kebebasan individu kerana :

- Jahil dalam agama
- Ingin mencuba
- Pengaruh rakan
- Mencari kemewahan hidup

**PELAJARAN 9 (ASAS SISTEM SOSIAL ISLAM)**

1. Al-Quran
2. Al-Ijmak
3. Al-Sunnah
4. Al-Qias
5. Adab
6. Etika
7. Al-sunnah
8. Takwa
9. Interaksi
10. Al-Ijmak
11. Toleransi
12. Keluarga
13. P: Al-Sunnah
14. Q: Al-Qias
15. R: mendapat keredaan Allah SWT
16. S: mencapai kesejahteraan dan keharmonian hidup di dunia dan akhirat.
17. X
18. /
19. /
20. X
21. X
22. /
23. /

**TEMA 3: SISTEM SOSIAL ISLAM**

**Pelajaran 9 : Asas Sistem Sosial Islam**

**BAHAGIAN B**

- 1 (a) (i) Pengertian Sistem Sosial Islam ialah sistem yang mengawal dan memberi panduan (1m) berkaitan cara manusia berhubung antara satu sama lain(1m).
- (ii) Empat sumber Sistem Sosial Islam ialah :
- Al-quran (1m)
  - Al-Sunnah (1m)
  - Al-Ijmak (1m)
  - Al-Qias (1m)
- (b) (i) Tiga adab dan etika Sistem Sosial Islam ialah :
- Berpandukan al-Quran dan As-Sunnah (1m) yang merupakan sumber

- utama sistem sosial Islam(1m).
  - Perhubungan atas dasar iman dan takwa (1m) kepada Allah SWT(1m).
  - Mengutamakan kepentingan umum (1m) berbanding kepentingan individu(1m).
  - Mengamalkan akhlak mulia pada setiap masa (1m) seperti sentiasa bantu membantu(1m).
- (ii) Tiga hak asasi manusia ialah :
- Kebebasan Beragama (1m) iaitu Islam tidak memaksa orang bukan Islam untuk menganuti agama Islam(1m).
  - Kebebasan Bersuara (1m) iaitu Islam menjamin kebebasan bersuara bagi mengemukakan pendapat(1m).
  - Perlindungan Nyawa(1m) iaitu Islam menetapkan pelaksanaan undang-undang Islam bertujuan untuk menegakkan keadilan dan melindungi nyawa.(1m)
  - Kehormatan Diri (1m) Iaitu Islam mewajibkan manusia memelihara kehormatan diri agar tidak dipandang hina oleh orang lain(1m).
- (c) (i) Dua keistimewaan Sistem Sosial Islam ialah :
- Bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah (1m) seperti menjalinkan perhubungan dan pergaulan antara manusia berteraskan wahyu(1m).
  - Menjaga Hak Asasi manusia(1m) seperti menjamin hak asasi manusia meliputi hak untuk hidup, persamaan darjat, hak untuk mendapat keadilan, pemilikan harta dan kebebasan mengamalkan ajaran agama masing-masing.(1m)
  - Menjadikan keluarga sebagai asas masyarakat sejahtera(1m) dengan mewujudkan individu yang berkualiti, berperilaku mulia dan berakhlak terpuji melalui pendidikan dan asuhan dalam keluarga(1m).
- (ii) Kepentingan Sistem Sosial Islam dari sudut agama ialah melahirkan masyarakat yang mentaati perintah Allah SWT dalam kehidupan (1m).
- (iii) Kepentingan Sistem Sosial Islam dari sudut pendidikan ialah membangunkan sistem pendidikan holistik yang meliputi ilmu fardu ain dan fardu kifayah(1m)
- (d) (i) Kepentingan Sistem Sosial Islam dari sudut perpaduan ialah mewujudkan masyarakat yang saling hormat menghormati antara satu sama lain (1m).
- (ii) Dua kepentingan Sistem Sosial Islam dari sudut politik ialah :
- Menjamin kestabilan politik.(1m)

- Memastikan pemerintahan dilaksanakan dengan adil dan amanah(1m).
- (iii) Dua kepentingan Sistem Sosial Islam dari sudut ekonomi ialah :
- Menegakkan keadilan ekonomi dalam masyarakat berdasarkan sistem jual beli dan pengharaman riba.(1m)
  - Memberi kebebasan kepada semua pihak berusaha mencari harta dan memiliki kekayaan secara halal.(1m)
- (e) (i) Tiga kepentingan Sistem Sosial Islam ialah :
- Dari aspek agama, ia melahirkan masyarakat yang mentaati perintah Allah SWT dalam kehidupan (1m) menghormati jiran(1m)
  - Dari aspek politik, ia menjamin kestabilan politik dalam negara(1m) yang bergelojak(1m) .
  - Dari aspek ekonomi, ia akan menegakkan keadilan ekonomi dalam masyarakat (1m) berdasarkan sistem jual beli dan pengharaman riba.(1m)
  - Dari aspek Pendidikan, ia membangunkan sistem pendidikan holistik (1m)yang meliputi ilmu fardu ain dan fardu kifayah(1m)
- (ii) Tiga tindakan yang sesuai bagi merealisasikan Sistem Sosial Islam ialah:
- Mengadakan gotong royong(1m) bagi membantu masyarakat setempat membersihkan persekitaran kawasan perumahan(1m).
  - Mengadakan sukaneka (1m) bagi memupuk perpaduan dalam masyarakat.(1m)
  - Menjalankan Program RIMUP ( Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan)(1m) bagi menjalinkan hubungan baik antara murid daripada pelbagai kaum.(1m)

(f) (i)

Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
Huraian 3		1M
Huraian 4		1M
Huraian 5/Kesimpulan	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan	1M

**Cadangan isi /fakta :**

Ramalan saya apa yang akan berlaku kepada negara jika situasi ini tidak diatasi ialah :

- Mencemarkan maruah negara
- Masalah sosial akan bertambah

**PELAJARAN 10 ( SISTEM KEKELUARGAAN ISLAM)**

1. Ketaatan
2. Tanggungjawab
3. Bertakwa
4. Zuriat
5. Solat berjemaah
6. Sunnah
7. Berbakti
8. P: isteri
9. Q: wali
10. /
11. X
12. X
13. /
14. /

**Pelajaran 10 : Sistem Kekeluargaan Islam**

**BAHAGIAN B**

- 1 (a) (i) Pengertian keluarga ialah unit social (1m) yang dihubungkan melalui pertalian darah, perkahwinan atau pengambilan anak angkat(1m) .
- (ii) Dua ciri kekeluargaan Islam ialah :
- Berdasarkan ketaatan kepada Allah SWT(1m) dalam menjalani kehidupan berkeluarga(1m).
  - Sentiasa mengamalkan akhlak mulia dan contoh teladan yang baik(1m) seperti tolong menolong(1m).
  - Melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing(1m) agar keluarga bahagia(1m).
  - Berkomunikasi secara positif (1m) sesama ahli keluarga(1m)
- (iii) Tiga matlamat Institusi kekeluargaan Islam ialah :
- Melahirkan generasi yang bertakwa kepada Allah SWT(1m) agar melahirkan insan soleh(1m).
  - Menjaga kehormatan manusia(1m) daripada dicemuh oleh masyarakat(1m).
  - Melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah(1m) seperti memberi nafkah dan berbuat baik pada ibu bapa(1m).
  - Menjamin keutuhan sosial dan ekonomi(1m) kerana berjaya melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab(1m).

- (b) (i) Tiga peranan suami dalam membnetuk keluarga bahagia ialah:
- Pemimpin keluarga (1m) agar mematuhi syariat agama(1m).
  - Memastikan setiap keluarga mentaati perintah Allah SWT dan menjauhi laranganNya(1m) seperti solat fardu(1m).
  - Menyediakan keperluan asas (1m) seperti makanan dan tempat tinggal(1m).
  - Melindungi keluarga daripada bahaya(1m) agar ahli keluarga sentiasa selamat(1m)
- (ii) Dua peranan isteri terhadap keluarga ialah :
- Taat kepada suami (1m) dalam hal-hal yang tidak bertentangan dengan perintah Allah SWT(1m).
  - Menjaga rahsia rumahtangga(1m) agar kehidupan Bahagia(1m).
  - Mengurus hal ehwal rumahtangga (1m) seperti menjaga harta suami dengan baik(1m).
  - Membantu suami dalam mendidik anak-anak(1m) seperti memberi asuhan agama(1m).
- (iii) Dua peranan suami dan isteri terhadap keluarga ialah :
- Memelihara dan mendidik anak (1m) dengan baik mengikut syariat Islam(1m).
  - Menghubungkan silaturahim antara kedua-dua belah keluarga(1m) seperti sentiasa menanyakan khabar(1m).
  - Menunaikan hak kepada pasangan (1m) seperti yang dianjurkan dalam Islam(1m).
  - Memberikan layanan mesra dan menghormati antara satu sama lain (1m) agar kehidupan Bahagia(1m).
- (iv) Empat peranan anak dalam sesebuah keluarga ialah :
- Mematuhi ajaran agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.(1m)
  - Menjauhi perbuantan mungkar seperti melakukan maksiat.(1m)
  - Mematuhi nasihat daripada ibu bapa untuk kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.(1m)
  - Menghormati ibu bapa agar hidup diberkati.(1m)
  - Berkomunikasi dengan sopan seperti bercakap lemah lembut.(1m)

- Membantu ibu bapa di rumah seperti mengemas rumah.(1m)
- Menjaga maruah ibu bapa dan keluarga agar dipandang tinggi oleh masyarakat.(1m).

(c) (i) Tiga kepentingan pembinaan keluarga bahagia selaras dengan tuntutan Islam ialah :

- Memenuhi naluri semulajadi manusia (1m) untuk hidup berpasangan berdasarkan lunas syarak(1m).
- Mengamalkan sunnah Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian(1m) seperti mengasahi semua ahli keluarga(1m).
- Memelihara diri daripada maksiat dan penyakit (1m) yang boleh memudaratkan kesihatan dan kehidupan(1m).
- Membina ahli keluarga yang terdidik dengan nilai-nilai Islam(1m) seperti bercakap sopan(1m).

(ii) Dua cara yang sesuai bagi merealisasikan pembinaan keluarga Islam ialah :

- Melalui solat berjemaah (1m) agar dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan dan hubungan dengan Allah SWT(1m).
- Menikmati hidangan bersama-sama (1m) antara cara kita bersyukur kepada Allah SWT terhadap rezeki yang dikurniakan(1m).
- Meluangkan masa yang berkualiti bersama-sama ahli keluarga seperti beriadah dan berekreasi.(1m)
- Meraikan kejayaan ahli keluarga (1m) seperti menghadiri Majlis Konvokesyen(1m).

(d)

Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
Huraian 3		1M
Huraian 4		1M
Huraian 5/Kesimpulan	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan	1M

**Cadangan isi /fakta :**

Cara saya untuk merealisasikan tuntutan Islam dalam membina sebuah

keluarga bahagia berdasarkan keimanan dan ketakwaan ialah:

- Mengikut syariat Islam
- Mengamalkan cara Rasulullah SAW

**PELAJARAN 11 (PRINSIP PERGAULAN ISLAM)**

1. Ta'aruf
2. Namimah
3. Tafahum
4. Ta'awun
5. Bantuan
6. Syariat
7. Mahmudah
8. Berinteraksi
9. P: Ta'aruf
10. Q: Ta'awun
11. R: berlandaskan syariat Islam
12. S: menghormati satu sama lain
13. T: mengutamakan keamanan dan keharmonian
14. X
15. /
16. /
17. X
18. /

**Pelajaran 11 : Prinsip Pergaulan Menurut Islam**

**BAHAGIAN B**

- 1 (a) (i) Pengertian pergaulan dalam Islam ialah komunikasi antara seorang individu dengan individu lain (1m) berteraskan syariat Islam(1m).
- (ii) Dua asas pergaulan dalam Islam ialah :
- Saling mengenali (Ta'aruf) (1m) seperti memberi salam ketika bertemu untuk mengeratkan hubungan.(1m)
  - Saling Memahami (Tafahum)(1m) seperti bersikap lapang dada dan pemaaf bagi setiap teguran yang diterima(1m).
  - Saling Bekerjasama (Ta'awun) (1m) seperti saling tolong menolong ke arah kebaikan untuk mencapai kesejahteraan hidup(1m).
- (iii) Tiga prinsip pergaulan dalam Islam ialah :
- Bermatlamatkan keimanan (1m) yang berteraskan syariat Islam(1m).
  - Berlandaskan syariat Islam (1m) yang merangkumi aspek akhlak dalam Islam(1m).
  - Memberikan panduan berinteraksi sesama manusia (1m) berdasarkan ajaran Islam(1m).

- Menghormati antara satu sama lain(1m) agar keharmonian dapat dicapai(1m).
- (b) (i) Tiga adab pergaulan dalam Islam ialah :
- Menjaga tutur kata (1m) supaya tidak menyakiti hati orang lain(1m).
  - Berlaku adil dan ihsan(1m) terhadap semua manusia .
  - Menghormati dan tidak menghina orang lain(1m) agar kehidupan harmoni(1m).
  - Bersangka baik (1m) bagi mengelakkan sifat syak wasangka(1m).
- (c) (i) Maksud sifat mahmudah dalam pergaulan ialah sifat terpuji yang diamalkan oleh seseorang individu(1m) semasa berinteraksi dengan orang lain.(1m)
- (ii) Dua contoh sifat mahmudah dalam pergaulan Islam ialah :
- Melakukan sesuatu kebaikan dengan ikhlas(1m) semata-mata kerana Allah SWT(1m).
  - Bersikap benar (1m) dalam percakapan , perbuatan dan niat dalam hati.(1m)
  - Melaksanakan tanggungjawab dengan amanah(1m) mengikut prosedur serta tidak mempunyai kepentingan peribadi agar diberkati oleh Allah SWT(1m).
  - Beradab sopan dan berbudi bahasa (1m) dalam pergaulan dengan semua pihak.(1m)
- (iii) Dua cara bagi memupuk sifat mahmudah dalam kalangan masyarakat.
- Mempraktikkan sifat mahmudah dalam pergaulan sesama manusia(1m) seperti sopan santun (1m)
  - Menggalakkan kesediaan masyarakat untuk mengamalkan nilai-nilai Islam(1m) agar menjadi kelaziman dalam kehidupan(1m)
  - Membudayakan sifat mahmudah pada seluruh lapisan masyarakat(1m) seperti hormat menghormati(1m).
- (iv) Tiga kepentingan prinsip pergaulan Islam dalam kehidupan seharian ialah :
- Memelihara kesucian dan maruah umat Islam daripada anasir-anasir pengaruh asing (1m) seperti pergaulan bebas (1m).
  - Membentuk masyarakat yang harmoni, saling memahami dan membantu antara satu sama lain (1m) untuk mencapai kesejahteraan dalam sesebuah Negara.(1m)
  - Melahirkan manusia yang bertakwa, istiqamah dan berdisiplin(1m) dalam meningkatkan keimanan kepada Allah SWT(1m).
  - Mengukuhkan institusi perkahwinan (1m) bagi mengelakkan kes-kes penceraian berlaku.(1m)

(d) (i)	Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
	Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
	Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
	Huraian 3/Kesimpulan	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan	1M

**Cadangan isi /fakta :**

Maksud doa tersebut dapat dicapai dengan :

- Mengamalkan suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya
- Mengikut segala akhlak mahmudah

(ii) Dua adab berdoa ialah :

- Berdoa dengan Ikhlas kerana Allah SWT.(1m)
- Berdoa dengan bersungguh-sungguh mengharapkan pertolongan daripada Allah SWT(1m)
- Memulakan doa dengan pujian kepada Allah SWT dan para Rasul. (1m)
- Berdoa dalam keadaan berwuduk.(1m)

**PELAJARAN 12 ( HIBURAN MENURUT ISLAM)**

1. Berhibur
2. Akidah
3. Asli
4. Solat
5. Keredaan
6. P: mengetahui batasan manusia dalam berhibur
7. Q: menjaga jiwa dan maruah diri
8. /
9. X
10. X
11. /
12. /

**Pelajaran 12 : Hiburan Menurut Islam**

**BAHAGIAN B**

- 1 (a) (i) Pengertian hiburan dalam Islam ialah merujuk kepada sesuatu perkara yang dapat menghiburkan dan mengembirakan hati seseorang (1m) yang selari dengan kehendak syarak.(1m)
- (ii) Dua konsep hiburan dalam Islam ialah :
- Bertujuan mengagungkan Allah SWT dan mendidik jiwa(1m) seperti lirik-lirik lagu yang memperingati kekuasaan Allah SWT(1m).
  - Berhibur selari dengan kehendak syarak (1m)agar diredai Allah SWT.(1m)
  - Meliputi aspek iman dan akhlak (1m) seperti menjaga batas-batas pergaulan di antara lelaki dan perempuan.(1m)
  - Hiburan sebagai memenuhi tuntutan fitrah manusia (1m) yang sukakan perkara-perkara yang menggembirakan(1m).
- (iii) Tiga adab dan etika hiburan ialah ;
- Hiburan yang boleh meningkatkan keimanan (1m) seperti lirik-lirik yang memuji kebesaran Allah SWT(1m).
  - Hiburan yang tidak bercanggah dengan syarak (1m) yang boleh menggugat akidah umat Islam.(1m)
  - Hiburan yang berteraskan nilai akhlak Islam (1m) seperti menjaga batas-batas pergaulan. (1m)
  - Sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berhibur (1m)agar kehidupan dirahmati.(1m)

- Menghasilkan karya hiburan yang asli bukan diciplak daripada orang lain(1m) seperti cetak rompak. (1m)
- (b) (i) Tiga garis panduan yang telah ditetapkan dalam hiburan :
- Bertujuan untuk perkara kebaikan (1m) seperti konsert Amal(1m).
  - Betulkan niat (1m) iaitu mengadakan program untuk mendapatkan keredaan Allah SWT(1m).
  - Program hendaklah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa (1m) bagi melancarkan perjalanan program(1m).
  - Memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat (1m) seperti yang telah dianjurkan dalam Islam(1m).

(ii)

Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
Huraian 3		1M
Huraian 4		1M
Huraian 5/Kesimpulan	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi jawapan	1M

**Cadangan isi /fakta :**

Ramalan saya apa yang akan terjadi kepada remaja masa kini jika terlampau meminati hiburan ini ialah :

- Mengagungkan budaya tersebut
- Memesongkan akidah
- Menjadikan sebagai idola

**PELAJARAN 13 ( KESENIAN MENURUT ISLAM)**

1. Estetika
2. Fitrah
3. Keindahan
4. Etika
5. Kerohanian
6. P: mengagungkan Allah SWT
7. Q: berteraskan syariat Islam
8. /
9. X
10. /
11. X

**Pelajaran 13 : Kesenian Menurut Islam**

**BAHAGIAN B**

- 1 (a) (i) Pengertian kesenian Islam ialah aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti manusia (1m) bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak(1m).
- (ii) Dua adab dan etika kesenian menurut Islam ialah :
  - Menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan (1m) seperti seni bina yang menunjukkan keagungan kekuasaan Allah SWT.(1m)
  - Hasil seni yang tidak bercanggah dengan syarak(1m) seperti seni khat.(1m)
  - Kesenian yang berteraskan nilai akhlak Islam (1m) seperti jujur dalam berkarya.(1m)
  - Sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berkarya (1m) agar hasil yang diperolehi mendapat keberkatan.(1m)
- (b) (i) Pandangan Islam tentang kesenian ialah Islam tidak melarang kesenian(1m) tetapi Islam hanya menolak seni yang melanggar batasan agama dan akhlak.(1m)
- (ii) Seorang seniman melaksanakan adab dan etika dalam kesenian Islam ialah dengan menghasilkan karya yang menepati prinsip-prinsip Islam (1m) seperti mentauhidkan Allah SWT, meningkatkan keimanan kepada Allah SWT dan menyampaikan mesej positif , tidak melalaikan, tidak melanggar batas syariat,

serta tidak berlebihan mengagungkan seni(1m)

(iii) Tiga kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam ialah :

- Mengakui dan menyakini kekuasaan Allah SWT (1m) Yang Maha Berkuasa lagi maha Menciptakan.
- Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT(1m) yang menganugerahi akal fikiran untuk berkarya(1m).
- Memenuhi fitrah manusia (1m) yang menyukai keindahan selari dengan syarak (1m).
- Mengetahui batasan manusia dalam berkarya (1m) agar tidak melampaui batas syarak(1m).

(c)

Isi / Fakta	Jawapan yang berkaitan dengan soalan	1M
Huraian 1	Huraian ringkas yang berkaitan dengan isi	1M
Huraian 2	Contoh / Kesan/Punca/Cara	1M
Huraian 3		1M
Huraian 4		1M
Huraian	Rumusan ringkas yang berkaitan dengan isi	1M

5/Kesimpulan	jawapan	
--------------	---------	--

**Cadangan isi /fakta :**

Pandangan saya “Seni itu adalah kebenaran, keindahan dan kebaikan di mana di dalamnya terkandung ciri estetika, etika dan logik” ialah :

- Menggambarkan tentang kewujudan yang Maha Berkuasa
- Menunjukkan rasa kesyukuran
- Mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan